

Sarjana dalam kebudayaan Cina

Golongan pujangga, pegawai, dan pedagang

Sejak berabad lamanya, sarjana melambangkan ideal kebudayaan Cina. Individu yang boleh membaca teks klasik, menulis dan melukis, bermain muzik, dan mahir dalam bidang akademik amat dihormati. Individu yang terpelajar memainkan peranan penting dalam budaya Cina - sama belia seorang penjawat awam, peniaga yang berjaya, atau orang Cina yang di luar negara.

Falsafah ideal Confucius dan hierarki sosial

Ideal seorang sarjana berasal dari teks Confucius 孔子 (551–479 SM). Sebagai ulasan kepada huru-hara politik dan peperangan sewaktu zamannya, Confucius mengembangkan sebuah susunan sosial untuk menstabilkan masyarakat. Dengan sebuah sistem peperiksaan yang menguji pengetahuan klasik Confucius, mobiliti sosial dibolehkan bermula dari dinasti Tang (618–907). Pegawai-sarjana, yang juga dikenali sebagai mandarin, diletakkan di atas hierarki sosial. Walau bagaimanapun, definisi kelas sarjana berubah mengikut peredaran masa, dan ia dihubungkan dengan kelas saudagar kaya pada lewat dinasti Ming (awal abad ke-17).

Yang jati atau hanya bercita-bercita

Para sarjana jati menumpukan seluruh hidup mereka kepada peningkatan kemahiran sastera dan diri mereka. Ramai lagi yang bercita-cita menjadi sarjana lalu mereka telah mengamalkan aspek-aspek ideal ini. Kelakuan seorang sarjana yang beretika digalakkan demi pembangunan masyarakat secara mutlak.

Sarjana di Singapura

Di antara abad ke-17 dan ke-19, ramai orang Cina meneroka Asia Tenggara untuk menempah kekayaan. Ahli perniagaan yang berjaya kadangkala menceburi kegiatan ilmiah, dan jarak sosial di antara pedagang dan sarjana semakin menjadi kurang jelas. Seorang pemimpin awal masyarakat Teochew di Singapura, Seah Eu Jin, menceburi bidang lukisan dan kaligrafi lewat dalam hidupnya. Lim Boon Keng, seorang Peranakan berpendidikan Inggeris, menjadi pemimpin Pergerakan Pemulihan Confucius serta presiden Universiti Amoy di China. Orang Cina kaya di luar negara sering membeli pangkat dan memakai jubah dan lencana para mandarin. Orang lain pula memakainya walaupun secara teknikal, mereka tidak berhak atas lambang-lambang ini.

Asas masyarakat stabil

Konfusianisme

Confucius hidup pada zaman perang saudara dan korupsi politik yang melanda China pada akhir dinasti Zhou. Dalam usahanya untuk menstabilkan masyarakat, beliau telah menganjurkan sebuah sistem muzik dan keupacaraan (礼乐制度). Pengajaran Confucius berasaskan "lima hubungan manusia" 五伦, iaitu ihsan kepada ibu bapa, adik-beradik, suami isteri, sahabat-handai, dan pemerintah.

Idea-idea ini telah dirakamkan oleh ahli-ahli sejarah dan pengikutnya dalam bentuk penulisan selepas kematiannya. Konfusianisme terus memainkan peranan penting di China, Jepun, Korea, dan ramai masyarakat Cina di luar negara.

Kebangkitan dan kejatuhan Konfusianisme

Walaupun Konfusianisme mempunyai pengaruh kuat di China, terdapat juga waktu di mana ia kurang diminati. Maharaja Pertama 始皇帝, yang menyatukan China pada 221 Sebelum Masihi, dilaporkan telah membakar buku-buku Konfusianisme dan sarjana yang menentang pembaharuan ini pula diseksa. Bagaimanapun, dinasti Han yang berikutan memaktubkan Konfusianisme sebagai falsafah negara.

Neo-Konfusianisme 理学 menjadi terkenal pada zaman dinasti Song dan Ming sebagai sebuah gerakan rasional yang menolak kepercayaan karut. Sekitar tahun 1900, falsafah Konfusianisme yang baru ini mengambil unsur-unsur falsafah Barat untuk memodenkan masyarakat tradisional Cina.

Studio seorang sarjana

Seorang sarjana elit pada dinasti Ming atau Qing biasanya akan membina sebuah studio (书斋) di mana beliau boleh belajar, bermeditasi, mengamalkan seni khat dan lukisan, menikmati khazanah kecil, serta bergaul dengan sarjana-sarjana yang lain. Alat-alat penting untuk menulis dikenali sebagai Empat Khazanah 文房四宝 - berus, dakwat, kertas, dan batu dakwat (*inkstone*).

Dalam buku-buku kepakaran dari lewat zaman Ming, para sarjana menceritakan tentang studio mereka dengan teliti, termasuk pelbagai perabot dan objek. Penulisan ini menjadi asas buat konsep studio sarjana hari ini. Studio ini merupakan rekaan fizikal matlamat estetik seseorang individu - ia sering dihias secara minimalis supaya sarjana itu tidak diganggu keselerakan.

Studio ini juga merupakan ruang berundur dan bertapa. Pemandangan ke arah taman dianggap penting untuk menimbulkan inspirasi daripada alam semula jadi.

Perabot yang paling digemari untuk menghiasi studio tersebut pada zaman itu diperbuat daripada kayu yang jarang ditemui, diimport dari Asia Tenggara, seperti *huanghuali* 黄花梨. Kayu keras dari tanah asing mula didapati pada lewat zaman Ming apabila sekatan perdagangan ditarik balik.

Perjalanan para sarjana

Pengembaraan

Pegawai-sarjana telah dihantar ke pejabat-pejabat di seluruh pelosok negara. Pemindahan, melawat rakan lama dan tempat-tempat semula jadi, dan membuat kenalan baru dari pelbagai golongan pujangga menjadi satu bahagian penting dalam gaya hidup seorang sarjana. Dengan peningkatan dalam pengangkutan laut dan darat, pengembaraan secara peribadi menjadi lebih mudah dan sesuatu yang biasa.

Perabot Fujian

Perabot Ming, yang mempunyai reka bentuk yang mudah, dicipta di rantau Jiangnan 江南 di selatan China – ia bukan sahaja mempunyai estetik yang menarik, tetapi ia juga sangat praktikal. Meja dan kerusi boleh dibahagikan buat pengangkutan.

Perabot yang diperbuat di wilayah Fujian telah diilhamkan oleh contoh-contoh ini, tetapi ia dibuat daripada kayu gelap yang berasal dari rantau ini. Satu contoh ialah kayu "sayap ayam" 鸡翅木 .

Empat kegiatan kebudayaan

Lelaki dan wanita beradab di China lazimnya mengambil bahagian dalam empat kegiatan budaya, iaitu 琴棋书画 "zither, *weiqi*, kaligrafi, dan lukisan". Aktiviti-aktiviti ini bertujuan untuk memperbaiki tingkah laku seseorang.

Alat muzik zither dianggap sebagai instrumen suci yang memberikan kejelasan minda dan kekuatan rohani untuk menghindari tenaga negatif. Permainan *weiqi* (dikenali sebagai *go* di Jepun) menyediakan latihan yang tepat buat pemikiran strategik dan untuk menguji kesabaran. Kaligrafi memerlukan gabungan kebolehan mental dan fizikal, dan ia dianggap sebagai sebuah gambaran jati diri. Akhir sekali, meneliti sesebuah lukisan klasik membantu seorang sarjana untuk menghargai kehalusan seni.

Pedagang dan sarjana

Peniaga-peniaga di China yang sering disifatkan sebagai hanya berminat dengan keuntungan, berusaha untuk mendapat pengiktirafan dengan mengaitkan diri mereka dengan para sarjana. Ramai sarjana juga memerlukan sokongan kewangan oleh orang-orang kaya untuk menaung kerja mereka. Ia amat bergaya buat orang-orang kaya untuk bergaul dengan sarjana-sarjana yang handal. Mereka memasang tulisan syair oleh penulis-penulis khat terkenal, menjadi tuan rumah perhimpunan golongan pujangga, dan menggaji sarjana untuk mengajar penulisan klasik Confucian buat anak-anak mereka. Pada abad ke-17, selatan China mengalami sebuah lonjakan ekonomi yang membolehkan pedagang-pedagang kaya untuk menjadi penaung kerja-kerja ilmiah.

Saudagar-sarjana Singapura

Sekitar tahun 1900, golongan pujangga muncul di Singapura, disokong oleh peniaga-peniaga yang berjaya. Didorong oleh reformasi di China dan idea-idea liberal yang diimport dari Eropah dan Amerika mengenai demokrasi dan kesaksamaan, pedagang Singapura menyokong sekolah Cina dan akhbar-akhbar Cina. Mereka mengambil peranan sebagai para sarjana untuk mendidik masyarakat. Usaha ini membawa ramai sarjana dari Cina ke Asia Tenggara, dan simbiosis di antara pedagang dan sarjana semakin giat. Menjelang tahun 1930-an, pendatang dari China bukan sahaja datang dari golongan pekerja tetapi juga golongan pendidik, wartawan, dan penulis terkemuka seperti Lao She 老舍 dan Yu Dafu 郁达夫.

Penaung lukisan di Singapura

Dr Tan Tsze Chor 陈之初 (1911–1983) mula mengumpul lukisan Cina dalam tahun 1930-an. Beliau amat gemar dengan hasil seni artis Shanghai Ren Yi 任颐 dan Qi Baishi 齐白石 yang bekerja di Beijing. Beliau juga berkawan dengan ramai artis seperti pelukis Singapura iaitu Liu Kang 刘抗, Xu Beihong 徐悲鸿, dan Zhao Shao'ang 赵少昂, yang datang ke Singapura di atas jemputan Dr Tan. Naungan Dr Tan penting dalam membangunkan gaya lukisan dakwat Nanyang 南洋 di Singapura.

Kaligrafi Dr Tan sendiri menggabungkan beberapa gaya purba dengan dakwat berwarna yang berbeza. Sebahagian besar daripada koleksinya yang dinamakan Xiang Xue Zhuang 香雪庄, telah diderma kepada Muzium Tamadun Asia (ACM).

Mendefinisikan sarjana

Para sarjana yang beradab memainkan model peranan dalam budaya Cina selama lebih daripada dua ribu tahun. Confucius memanggil individu-individu ini "budiman sempurna" 君子. Melalui lukisan Song yang berkaitan dengan kesusasteraan (士人画), prototaip sarjana ini berkembang pada abad ke-10. Pada lewat dinasti Ming, para sarjana memberi tumpuan yang lebih kepada sastera dan oleh itu digelar sebagai "golongan pujangga" 文人.

Kepura-puraan imperial

Maharaja-maharaja Cina berusaha untuk menggambarkan diri mereka sebagai seorang sarjana atau budiman yang sempurna. Untuk memupuk para pegawai, maharaja Cina menganugerahkan mereka objek-objek ilmiah yang dihasilkan di bengkel diraja atau seni khat buatan maharaja itu sendiri. Semua aktiviti ini menaikkan tahap pencapaian seni dalam kehidupan diraja. Mereka juga memperolehi pelbagai kertas khas, kayu dakwat, dan objek halus - yang dihadiahkan untuk mendapatkan kesetiaan.

Hubungan maharaja-maharaja ini dengan para sarjananya bermula pada usia yang sangat muda. Seorang sarjana yang terpelajar akan dilantik sebagai guru beliau. Ada sesetengah maharaja mengamalkan gaya hidup yang ilmiah ini. Ungkapan yang terkenal iaitu *kaijuanyouyi* 开卷有益 "membaca memperkayakan minda", berasal dari maharaja Song Taizong 宋太宗 (939–997), yang banyak membaca dan amat dihormati para menterinya.

Maharaja Kangxi sebagai seorang sarjana

Maharaja Kangxi 康熙 (pemerintahan 1662–1722) mendapat penerimaan daripada para pegawai-sarjana Cina Han untuk dinasti Manchunya kerana mengambil minat yang mendalam dalam Konfusianisme dan budaya tradisional Cina. Beliau dengan sendirinya menceburi bidang kaligrafi dan lukisan, dan menaja penyusunan *Kamus Kangxi* 康熙字典 dan *Puisi Tang Lengkap* 全唐詩.

Status imperial untuk dijual

Pada abad ke-19, orang-orang dari selatan China berhijrah ke Asia Tenggara, Amerika, dan Hawaii. Walaupun mereka mengecapi kekayaan yang besar, mereka juga mahukan simbol status dari tanah air mereka. Melalui konsulat yang ditubuhkan di Singapura pada tahun 1877, kerajaan Cina menjual gelaran yang memberikan hak untuk mereka memakai lencana untuk menunjukkan pangkat mereka. Harga gelaran-gelaran ini disenaraikan dalam akhbar.

Lazimnya, ramai orang Cina di luar negara memakai jubah mandarin sama ada mereka telah membeli gelaran atau tidak. Jubah rasmi dan lencana pangkat ini dipakai di acara-acara penting seperti majlis perkahwinan dan majlis-majlis kolonial.

Pegawai-sarjana Sistem peperiksaan

Kerajaan Cina dikendalikan oleh para sarjana berpendidikan tinggi yang telah dipilih melalui peperiksaan yang berdasarkan teks Confucius dari abad ke-7 hingga awal abad ke-20.

Dipilih atas dasar merit, birokrasi berpendidikan ini dipupuk supaya setia kepada maharaja. Pegawai-sarjana 士大夫 ini kadangkala dipanggil mandarin. Sistem peperiksaan ini juga digunakan di Vietnam dan Korea, dan mempengaruhi birokrasi kolonial British.

Pangkat dan kedudukan pegawai-sarjana dipaparkan melalui pakaian mereka yang elok. Pakaian tersebut telah mula direka pada dinasti Tang. Peraturan-peraturan Ming dan Qing yang ketat juga mentadbirkan butiran seperti motif haiwan, kain, dan pelbagai aksesori.

Sistem peperiksaan ini dikritik kerana tidak fleksibel, dan dihentikan seketika sewaktu kegawatan politik. Dinasti Yuan menggantung peperiksaan dari tahun 1279 hingga 1315 kerana kejatuhan kerajaan Song. Pada abad-19, sistem ini dianggap menyekat inovasi dan pemodenan, dan ia dimansuhkan pada tahun 1905.

Impian dan fantasi Imej seorang sarjana yang ideal

Ramai orang menghormati para sarjana tetapi tidak dapat menumpukan seluruh masa untuk memupuk minda mereka. Mereka hanya mengambil beberapa aspek kehidupan sebagai seorang sarjana. Imej sarjana menjadi amat popular pada dinasti Ming. Ini disebabkan oleh pemerdagangan dan peningkatan teknikal dalam pengeluaran porselin dan lakuer. Objek-objek ini sering menunjukkan para sarjana ketika mereka sedang menulis dan melukis, meminum wain, atau bermain muzik, dalam sebuah landskap. Objek seperti ini bukan sahaja dikumpul oleh golongan elit, tetapi juga oleh mereka yang tidak boleh membaca atau menulis.

Orang asing terpesona dengan para sarjana Cina yang luarbiasa ini. Sekitar abad ke-17, objek eksport sering dihiasi dengan imej sarjana yang diambil dari buku lukisan dan novel, dan kadang-kadang digabungkan dengan reka bentuk Eropah.

Penemuan semula zaman purba China

Kebangkitan semula sesuatu dari zaman purba telah lama menjadi sebuah tradisi seni di China. Kajian objek yang arkaik, terutamanya tulisan pada gangsa dan steles, adalah satu aktiviti ilmiah yang penting pada zaman lewat Ming dan Qing. Gangsa buat tujuan ritual dari dinasti Shang dan Zhou kadangkala ditemui juga. Inskripsi pada gangsa ini telah diteliti oleh para sarjana sebagai sebuah sumber baru untuk sejarah China.

Pada zaman yang kemudian, terutamanya semasa dinasti Song, Ming, dan Qing, bentuk dan reka bentuk perkakas purba telah ditiru. Gangsa purba ini sering dicipta semula dengan bahan-bahan yang berbeza seperti porselin dan jed. Inskripsi-inskripsi ini dirakamkan melalui gosokan kertas dan ditiru pada seni khat. Ia menunjukkan suatu penghormatan buat sejarah China dan juga sebuah sambutan buat ideal purba yang unggul.

Ritual-ritual China purba

Objek jed dan gangsa digunakan dalam amalan ritual awal di China. Ciri-ciri ritual ini menyumbang kepada pembentukan idea Confucius pada abad ke-5 Sebelum Masihi.

Jed

Jed telah menjadi bahan sangat berharga di China seawal 5000 Sebelum Masihi kerana ia cantik dan keras. Objek jed yang halus buatannya telah ditemui dalam kubur purba golongan bangsawan. Beberapa bentuk berdasarkan alat bertukang dan senjata, walaupun jed sebenarnya terlalu rapuh untuk digunakan secara praktikal. Objek-objek jed ini mungkin memainkan peranan simbolik dalam pelbagai upacara. Kilauan jed ini dikaitkan dengan ideal kebajikan dan kecerdasan pada tempoh masa yang kemudiannya.

Gangsa

Perkakas yang diperbuat dengan teliti daripada gangsa digunakan untuk upacara menghormati nenek moyang dan menandakan acara tahunan yang penting pada dinasti Shang (sekitar 1600–1046 Sebelum Masihi) dan Zhou (sekitar 1046–256 Sebelum Masihi). Reka bentuk yang berbeza-beza digunakan untuk makanan, bijirin, atau wain. Kepentingan jenis binatang yang dikorbankan dan makanan yang dihidangkan dalam upacara tersebut telah dirakamkan dalam penulisan yang kemudian. Confucius memuji upacara-upacara ini sebagai mengukuhkan keharmonian sosial.

Haiwan mitos dan lembaga

Pada dinasti Han (206 Sebelum Masihi–220), haiwan dan lembaga-lembaga tertentu, termasuk binatang hibrid dari mitos telah disifatkan sebagai mempunyai kuasa-kuasa khas. Haiwan-haiwan merupakan pengantara antara dunia sebenar dan dunia ghaib dalam mencari keabadian dan kepanjangan umur.